

Pusat Perubatan Sultan Ahmad Shah@IIUM mula operasi sebagai PPV IPT

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - Julai 20, 2021 @ 8:41 am
bhnews@bh.com.my



Golongan warga emas menggunakan kerusi roda bagi mendapatkan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Dewan Utama UIAM kampus Kuantan.- Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Pusat Perubatan Sultan Ahmad Shah@IIUM (SASMEC @IIUM) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menerima lebih 80 peratus warga emas pada hari pertama sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Dewan Utama UIAM kampus Kuantan, di sini, semalam

Ketua Penyelarasnya, Prof Madya Dr Razman Mohd Rus, berkata warga emas paling tua datang bagi mendapatkan vaksinasi COVID-19 berusia 97 tahun yang datang ditemani ahli keluarga.

Katanya, bagi membantu melancarkan lagi proses pemberian vaksinasi, pihaknya menyediakan 40 kerusi roda untuk digunakan warga emas yang mengalami masalah untuk berjalan.

"Kita turut menyediakan dua unit kereta bugi bagi mengambil dan menghantar warga emas ke kawasan meletak kenderaan," katanya, di sini semalam.

Beliau berkata, proses pemberian vaksin berjalan lancar apabila mendapat kerjasama baik daripada penerima vaksinasi dan juga pengiring iaitu ahli keluarga yang turut sama membantu.

Dr Razman berkata, seramai 1,381 penerima vaksin disenaraikan namun hanya 802 sahaja yang hadir semalam.

"Setiap hari kira-kira 1,000 individu yang akan menerima vaksin seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang, Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF).

"Kita mempunyai seramai 184 petugas kesihatan dan bukan kesihatan, selain 136 sukarelawan terdiri daripada penuntut UIAM kampus Kuantan," katanya.

Sementara itu, tinjauan dibuat mendapati rata-rata penerima vaksin berpuas hati proses pemberian vaksin yang berjalan lancar dan selesai.